



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM NEGERI
Aras 12-15, Blok A
Menara Kinabalu
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU
Tel.: 088-368600, 368601



JPAN:1000-9/65 Klt. 32

12 JUN 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pegawai Daerah / Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Datuk/ Tuan/ Puan,

**SURAT PEKELILING PENYELARASAN TEMPOH PENGISIAN SASARAN KERJA
TAHUNAN (SKT) PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH**

Dengan hormatnya, perkara di atas dirujuk.

2. Sedia maklum bahawa jadual penyediaan setiap bahagian dalam Sasaran Kerja Tahunan (SKT) secara atas talian adalah dijelaskan di dalam perkara 6.4 Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bilangan 4 Tahun 2023. Bagi menjamin keberkesanan dan memastikan kecekapan proses pengisian SKT agar lebih terangkum ke arah perekodan kerja secara *real time*, Urus Setia Negeri telah bersetuju menetapkan jadual pengisian SKT seperti berikut:

BAHAGIAN SKT	AKTIVITI UTAMA	TEMPOH ASAL	TEMPOH BAHARU
Bahagian I	- Perbincangan penetapan SKT - Penghantaran SKT oleh Pegawai Yang Dinilai - Penerimaan SKT oleh Pegawai Penilai	Januari – Mac	Januari hingga Julai
Bahagian II	- Kajian semula SKT pertengahan tahun - Penetapan semula Pegawai Penilai bagi pegawai yang bertukar	Julai	

.../2

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : JPAN:1000-9/65 Klt.32

Tarikh : 12 JUN 2025

**SURAT PEKELILING PENYELARASAN TEMPOH PENGISIAN SASARAN KERJA
TAHUNAN (SKT) PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH**

BAHAGIAN SKT	AKTIVITI UTAMA	TEMPOH ASAL	TEMPOH BAHARU
Bahagian III	- Penyediaan Jadual Pencapaian SKT (JP-SKT) - Pengesahan pencapaian SKT oleh Pegawai Penilai	Oktober - November	Ogos – November

3. Sehubungan dengan itu, peruntukan-peruntukan berkaitan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bilangan 4 Tahun 2023 adalah dipinda mengikut ketetapan dalam surat pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



[ZAINUDIN BIN AMAN]

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri

“SABAH MAJU JAYA”